

30 NOV 1996

PELANTIKAN ZAINAL ABIDIN SATU PENGHARGAAN

KOTA BAHARU, 30 Nov (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Melor Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir menyifatkan pelantikannya sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, satu penghargaan dan pengiktirafan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap rakyat Kelantan.

Langkah Perdana Menteri melantik beliau dan Senator Datuk Ibrahim Ali ke dalam MT Umno membuktikan kerajaan pusat tidak pernah mengenenpikan rakyat Kelantan, malahan memberikan keutamaan daripada pelbagai aspek, katanya.

Zainal ketika dihubungi di Kuala Lumpur dari sini, hari ini, turut mengakui beliau terkejut kerana tidak menjangka akan dilantik ke dalam MT bagi tempoh penggal ini.

Beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir atas kepercayaan yang diberikan itu dan bertekad untuk memberikan sumbangan terbaik dan penuh tanggungjawab terhadap parti, bangsa dan negara.

"Di peringkat pusat saya akan cuba membantu meningkatkan pembangunan Islam di negara ini manakala di peringkat negeri saya akan cuba menguatkan perpaduan ahli dan pemimpin parti bagi memperkukuhkan kehadiran Umno di Kelantan," kata beliau yang kini menjadi ketua pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Pada pemilihan Umno yang lepas, Zainal menduduki tempat ke 44 dalam pertandingan untuk kerusi MT. Pemilihan Zainal dan Ibrahim itu mengisi kesemua 10 kerusi MT yang dilantik oleh Presiden.

Umno kini mempunyai empat anggota MT dari Kelantan termasuk Datuk Mustapa Mohamad dan Tan Sri Hussein Ahmad. -- BERNAMA

RAR PR